

## **Pelaksanaan Kursus Khidmat Komuniti Di UPNM: Bertahan atau Mansuhkan?**

Amnah Saayah binti Ismail<sup>1</sup>, Nurhana binti Mohd Rafiuddin<sup>1</sup>, Nor Nazimi Mohd Mustaffa<sup>1</sup>  
Nur Surayya binti Mohd Saudi<sup>1</sup>, Aida Nasirah binti Abdullah<sup>1</sup>

<sup>1</sup>National Defence University of Malaysia  
[amnah@upnm.edu.my](mailto:amnah@upnm.edu.my)

---

### **Abstrak**

Kursus Khidmat Komuniti telah dilaksanakan sejak 2018 di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Kursus ini berada dalam kelompok U4 bagi kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) dan ditawarkan kepada semua pelajar peringkat ijazah sarjanamuda sebagai kursus elektif wajib. Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada program-program khidmat komuniti yang perlu dibangunkan bermula dari merangka kertas cadangan program sehingga penulisan laporan. Keistimewaan kursus ini ialah mendedahkan pelajar kepada kerja secara berpasukan, membentuk kepimpinan dan membuat keputusan secara bersama. Kajian ini berhasrat untuk melihat apakah yang mencetuskan minat pelajar untuk melaksanakan program khidmat komuniti selain cabaran yang dihadapi dan usaha mereka bagi memastikan program dapat dijalankan dengan jayanya. Kajian kes ini melibatkan lapan responden dalam kalangan pelajar UPNM dari pelbagai latar belakang. Responden telah ditemubual dan maklum balas mereka direkodkan menggunakan Microsoft Teams. Rakaman tersebut kemudiannya ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar keseluruhan amat berpuas hati dan menghayati kursus ini melalui program khidmat komuniti yang dilaksanakan. Namun, terdapat pelbagai cabaran yang dilalui oleh para pelajar semasa melaksanakan program khidmat komuniti; sebagai contoh masalah untuk mendapatkan dana program dan pandemik Covid-19 yang menyebabkan khidmat komuniti secara fizikal tidak dapat dilaksanakan. Kajian ini memberi kesan terhadap pelaksanaan kursus Khidmat Komuniti dan penyelidikan ini akan memberi cadangan kepada penambahbaikan pelaksanaan kursus ini supaya para pelajar dapat mengoptimumkan kebolehan diri dan kerja berkumpulan dengan lebih baik pada masa akan datang.

**Keywords:** *Khidmat Komuniti, Pelajar, Mata Pelajaran Umum*

### **Pengenalan**

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) merupakan universiti awam yang menyambut dan melaksanakan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dalam menawarkan

pelbagai kursus Mata Pelajaran Umum (MPU). Antara kursus-kursus tersebut ialah Penghayatan Etika dan Peradaban, Falsafah dan Isu Semasa, Asas Keusahawanan, Khidmat Komuniti dan lain-lain lagi. Kursus-kursus ini diletakkan di bawah beberapa komponen iaitu Umum Satu (U1), Umum Dua (U2), Umum Tiga (U3) dan Umum Empat (U4). Kursus-kursus di bawah Umum Satu (U1) dan Umum Dua (U2) wajib diambil oleh semua pelajar di UPNM, manakala kursus Umum Tiga (U3) dan Umum Empat (U4) merupakan kursus Elektif Wajib bagi setiap pelajar. Kursus-kursus ini mesti diambil dan wajib lulus bagi membolehkan para pelajar layak bergraduasi.

Kursus Khidmat Komuniti merupakan salah satu kursus Mata Pelajaran Umum. Kursus ini diletakkan di bawah komponen U4 bersama-sama sebuah kursus lain iaitu Kursus Sains Lakuan Manusia. Kursus U4 merupakan kursus elektif umum yang membolehkan para pelajar membuat pilihan kursus yang mereka kehendaki. Di UPNM, kursus Khidmat Komuniti berada di bawah pentadbiran Jabatan Kenegaraan Kepimpinan dan Pengajian Islam. Kursus Khidmat Komuniti telah ditawarkan bermula pada Semester II sesi 2018/2019 dengan penawaran disambut pertama kalinya oleh pelajar tahun 1 dari Pusat Bahasa. Kini penawaran kursus ini telah memasuki tahun kelima dengan menyaksikan kursus ini telah diambil dan diraikan oleh pelajar dari pelbagai fakulti dan pusat pengajian di UPNM. Tempoh lima tahun dikira masih baru dan sedang melonjaok ke arah tempoh matang. Namun penawaran kursus ini sudah pasti masih memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Terkini, penawaran kursus Khidmat Komuniti telah mencapai perkembangan baharu yang melibatkan tenaga pengajar yang mengendalikan kursus ini. Peringkat awal penawaran, tenaga pengajar kursus ini terdiri dalam kalangan pensyarah dari Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan. Namun mutakhir ini (Sem II Sesi 2020/2021 dan Sem I 2021/2022) tenaga pengajar kursus ini telah melibatkan tenaga pengajar dari fakulti lain seperti Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan (FPPK) dan Fakulti Kejuruteraan (FKJ). Penglibatan tenaga pengajar dari fakulti-fakulti tersebut dibuat bagi membolehkan program-program khidmat komuniti yang dirancang dan dilaksanakan oleh pelajar berkait rapat dengan program pengajian pelajar. Sebagai contoh pelajar dari FPPK melaksanakan program berkaitan dengan kesihatan mental, kebersihan diri dan banyak lagi bagi komuniti-komuniti pilihan mereka.

Kursus ini secara asasnya tidak mempunyai peperiksaan akhir. Semua penilaian dibuat adalah berdasarkan kepada kerja berkumpulan dan projek khidmat komuniti yang dijalankan oleh pelajar selain penilaian sendiri untuk individu. Manakala kaedah pengajaran adalah berbentuk kuliah sahaja. Merujuk kepada silibus kursus, kuliah hanya dijalankan sebanyak tiga kali di awal penawaran kursus dijalankan. Selebihnya ialah kerja berkumpulan dan kerja lapangan yang dijalankan oleh pelajar selain sesi perbentangan dan penulisan laporan. 90% gerak kerja dan penilaian adalah secara berkumpulan manakala 10% adalah markah kepada penilaian sendiri atau personaliti pelajar. Pelajar secara dalam kumpulan perlu menyiapkan kertas cadangan program, pelaksanaan aktiviti/program, poster program, video, pembentangan dan penulisan laporan program (Amnah Saayah Ismail, 2020).

JENIS PENILAIAN	KAEDAH PENILAIAN	PERATUSAN %
Kerja Berkumpulan	Kertas Cadangan	20%
Kerja Berkumpulan	Perlaksanaan semasa aktiviti	20%
Individu	Potensi diri	10%
Kerja Berkumpulan	Pembentangan, poster, video	30%
Kerja Berkumpulan	Laporan aktiviti	20%
	Jumlah	100%

Jadual 1: Jenis, kaedah dan peratusan penilaian Kursus Khidmat Komuniti (Amnah Saayah Ismail, 2020).

Kehadiran pandemik Covid-19 telah menyaksikan terdapat perubahan dan penambahbaikan dalam pelaksanaan kursus khidmat komuniti. Tenaga pengajar kursus ini telah membuat inovasi dalam pelaksanaan yang menganjurkan kaedah khidmat komuniti secara dalam talian. Proses pengajaran telah mengambil kira keadaan semasa yang memerlukan kekreatifan dalam pelaksanaan khususnya berkaitan dengan kursus khidmat komuniti tersebut. Pengkaji berpendapat bahawa pelajar perlu kreatif dan tidak menjadikan kehadiran pandemik sebagai halangan dalam menjayakan sebarang bentuk khidmat kepada komuniti keseluruhannya. Justeru pelaksanaan khidmat komuniti secara dalam talian turut sama boleh memberi kesan keprihatinan, kecaknaan dan tanggung jawab para pelajar ke atas masyarakat. Pelaksanaan kursus masih memerlukan sesi kuliah dan perbincangan bersama dalam kumpulan. Namun kaedah yang digunakan adalah melalui dalam talian. Para pelajar tetap perlu melakukan semua proses perancangan sebelum, semasa dan selepas program dijalankan sama seperti program khidmat komuniti secara fizikal. Bezanya, program yang mereka lakukan adalah dengan menyediakan sebuah video usaha sama mereka bersama ahli kumpulan dan perlu dimuat naik ke platform yang terpilih. Berikut merupakan rangka kerja tugas berkumpulan yang perlu dilakukan oleh para pelajar bagi menghasilkan program khidmat komuniti dalam talian mereka (Ismail. A, 2021).



Rajah 1: Rangka Kerja Tugas Berkumpulan Kursus Khidmat Komuniti Secara dalam Talian (Ismail. A, 2021).

Sepanjang tempoh lima tahun penawaran kursus Khidmat Komuniti ini dibuat banyak program-program menyantuni komuniti telah berjaya dilaksanakan. Pelajar menunjukkan minat yang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan program khidmat komuniti mereka. Antara program yang berjaya dilaksanakan oleh para pelajar yang mengikuti kursus ini ialah program berbentuk fizikal seperti Program Lawatan Ehsan ke Hospital Serdang, Program Easy The Breakfast, Program Bersama Warga Asli Sungai Melut Sepang, Program Zumba For Ladies, Program Kayak For Charity dan banyak lagi. Manakala sepanjang tempoh pandemik Covid-19, program-program dalam talian turut dilaksanakan oleh para pelajar UPNM. Antaranya seperti dalam Jadual 2 di bawah:

BIL	NAMA PROGRAM	PAUTAN
1.	SOP DI UNIVERSITI	<a href="https://youtu.be/37mIvNZCdYQ">https://youtu.be/37mIvNZCdYQ</a>
2.	Let's Calisthenic At Home	<a href="https://youtu.be/wTIU-xs-KE0">https://youtu.be/wTIU-xs-KE0</a>
3.	Perspective of online class	<a href="https://youtu.be/ttIQkHTCbN0">https://youtu.be/ttIQkHTCbN0</a>
4.	Program Minda Sihat COVID-19	<a href="https://youtu.be/vsT-ZYkEYMM">https://youtu.be/vsT-ZYkEYMM</a>
5.	Adab-Adab Belajar Secara dalam Talian	<a href="https://youtu.be/jLtc39L3kuk">https://youtu.be/jLtc39L3kuk</a>
6.	Pengurusan Kewangan Ketika Pandemik	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=5tX308wpUqk&amp;ab_channel=IZHAMFITRIBI NSHAARI">https://www.youtube.com/watch?v=5tX308wpUqk&amp;ab_channel=IZHAMFITRIBI NSHAARI</a>
7.	Awas Bahana Covid-19	<a href="https://youtu.be/gpAUVs6k_js">https://youtu.be/gpAUVs6k_js</a>
8.	Program Healthy Minds Healthy Lives.	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=UVeFW2sXzSA&amp;t=3s">https://www.youtube.com/watch?v=UVeFW2sXzSA&amp;t=3s</a>

---

9.	Menjana endapatan Ketika Pandemik Covid- 19.	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=sVTvhRz_BJO">https://www.youtube.com/watch?v=sVTvhRz_BJO</a>
10.	Thank You Frontliner	<a href="https://youtu.be/vFDJTJOSM3E">https://youtu.be/vFDJTJOSM3E</a>
11.	Individu Sihat Negara Cemerlang	<a href="https://youtu.be/SNWFEIru7yQ">https://youtu.be/SNWFEIru7yQ</a>

---

Jadual 2: Program Khidmat Komuniti Secara dalam Talian (Amnah Saayah Ismail, 2021).

Penawaran kursus Khidmat Komuniti kini kian mendapat tempat dalam kalangan pelajar dan juga pusat-pusat pengajian di UPNM. Kursus ini dilihat berupaya memenuhi hasrat Kementerian Pengajian Tinggi bagi memastikan para pelajar sentiasa mendekati dan menyantuni seluruh komuniti di Malaysia. Ia merupakan kursus yang mendidik rasa belas kasihan, empati dan kasih sayang kepada seluruh rakyat Malaysia. Justeru penulisan kertas kerja ini berhasrat untuk melihat apakah yang mencetuskan minat pelajar untuk melaksanakan program khidmat komuniti selain cabaran yang dihadapi dan usaha mereka bagi memastikan program dapat dijalankan dengan jayanya. Diharap kertas kerja ini dapat memberi input dan penambahbaikan dalam penawaran kursus ini pada masa hadapan.

### **Kajian Literatur**

Manaf, M (2018) menjelaskan bahawa amalan khidmat masyarakat atau dahulunya lebih dikenali sebagai aktiviti gotong royong ini sering dilakukan oleh semua golongan masyarakat di Malaysia. Aktiviti ini merupakan salah satu cara hidup dan kebiasaan dalam masyarakat yang telah diamalkan sejak berkurun lamanya di mana apabila adanya majlis perkahwinan, perayaan, mahupun sesuatu majlis ianya diselesaikan dengan cara bergotong-royong.

Jalil, NA et.al (2012) menjalankan sebuah kajian untuk melihat keberkesanan aktiviti kokurikulum khususnya persatuan khidmat masyarakat dalam penerapan kemahiran menyelesaikan masalah di UTHM. Kaedah berbentuk kajian kes dan menetapkan kriteria dan ciri sampel yang akan dikaji telah digunakan dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat penerapan, kesedaran dan penguasaan elemen-elemen kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar UTHM menerusi aktiviti kokurikulum persatuan khidmat masyarakat. Persatuan khidmat masyarakat merupakan persatuan yang melibatkan kekuatan fizikal dan mental. Pembelajaran berasaskan pengalaman turut diajar dalam persatuan khidmat masyarakat ini. Ini dapat dibuktikan bahawa pelajar-pelajar yang terlibat dalam persatuan khidmat masyarakat ini akan diberi pendedahan

awal mengenai teknik-teknik atau strategi-strategi yang dapat mengelakkan masalah dari berlaku ketika mengadakan program dan ketika pelajar ini mengikuti kelas.

Ahmad, A. S., & Johari, H. (2022) dalam kajiannya menjelaskan status kursus Khidmat Masyarakat sebagai Mata Pelajaran Umum adalah wajib diambil dan perlu mendapat gred lulus sebelum menamatkan pengajian, sikap kesukarelaan dalam kalangan pelajar adalah tinggi. Ganjaran dalam bentuk markah atau gred tidak dilihat sebagai faktor motif pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelaan. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat perkaitan yang ketara antara motif fungsional aktiviti sukarelawan Khidmat Masyarakat UniSHAMS dan Kemahiran Insaniah.

Othman, R (2016) dalam kajian beliau untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Sampel kajian adalah terdiri daripada 304 orang pelajar di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB). Sampel ini merangkumi pelajar Semester 5 dan 6 dari Jabatan Perdagangan, Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan juga Jabatan Kejuruteraan Mekanikal bagi Sesi Disember 2014. Hasil dapatan kajian menunjukkan infrastruktur mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah tinggi.

Hassan Adnan & Raja Roslan (2010) menjelaskan dalam kajian beliau bahawa aktiviti kokurikulum di IPT telah menjadi sebahagian daripada komponen pendidikan di Malaysia ketika ini. Aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak institusi dapat membantu mempertingkatkan personaliti pelajar yang mana ianya melibatkan tahap komunikasi, tahap kecergasan, keyakinan diri dan juga minda di kalangan para pelajar. Aktiviti kokurikulum dapat menyumbang untuk melahirkan pelajar yang seimbang dalam pelbagai aspek seperti aspek rohani, jasmani dan juga intelek (Hassan & Raja Roslan, 2010).

Ghadafi, M (2020) telah menjalankan sebuah kajian untuk melihat tahap kekerapan penglibatan pelajar dalam aktiviti komuniti sosial dan faktor yang menyebabkan pelajar terlibat, faktor yang pelajar tidak terlibat, dan faktor faedah yang menarik pelajar untuk terlibat dalam aktiviti sosial dalam komuniti pada waktu senggang. Kajian telah mendapati kekerapan tertinggi bagi penglibatan pelajar adalah aktiviti Sukan dan terendah pula adalah aktiviti yang berkaitan Bencana Alam.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kes yang melibatkan pelajar yang telah mengambil kursus Khidmat Komuniti di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Kajian berbentuk kajian kes ini amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya (Louis & Lawrence, 1994). Sesuatu kajian kes harus menfokus kepada subjek yang mempunyai sesuatu kriteria atau ciri yang ingin dikaji. Selain itu, sebuah kajian yang menggunakan semua sampel dalam populasi tersebut juga dipanggil kajian kes (Chua, 2006, Louis & Lawrence, 1994).

Seramai lapan orang pelajar telah terpilih sebagai responden untuk kajian ini. Pemilihan pelajar berkenaan adalah untuk memastikan maklumat yang diperolehi mendalam dan berfokus (Yin, 2009), mampu menjawab persoalan kajian (Merriam, 2009), dan bersedia memberi kerjasama untuk ditemu bual bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan (LouisCohen et al. 2011). Sampel yang dipilih pula bersesuaian dengan beberapa kriteria iaitu (i) pelajar yang pernah mengikuti kursus MPU3442 Khidmat Komuniti (ii) sukarela untuk ditemu bual, dirakam, dan mampu memberi kerjasama semasa penyelidikan dijalankan dan (iii) pemilihan pelajar juga adalah hasil pencalonan tenaga pengajar yang mengajar kursus MPU3422 Khidmat Komuniti. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah temubual. Kajian kualitatif dipilih untuk memahami dan mendapat pandangan pelajar dengan lebih terperinci dan jelas. Responden telah ditemu bual dan maklum balas mereka direkodkan menggunakan Microsoft Teams. Rakaman tersebut kemudiannya ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis secara tematik.

## Dapatan Kajian

Jadual 1: Taburan demografi responden

Responden	Jantina	Tahun Pengajian	Program Pengajian	Bilangan Penglibatan
R1	Perempuan	Tahun 3	Sarjana Muda Pertahanan dan Keselamatan Islam	1
R2	Lelaki	Tahun 3	Sarjana muda sains ketangkasan pertahanan	3
R3	Lelaki	Tahun 4	sarjana muda sains ketangkasan pertahanan	2
R4	Lelaki	Tahun 3	Sarjana Muda Sains Ketangkasan Pertahanan	1
R5	Lelaki	Tahun 3	Sarjana Muda Sains Ketangkasan Pertahanan	2
R6	Lelaki	Tahun 3	Sarjana Muda Pertahanan dan Keselamatan Islam	1
R7	Lelaki	Tahun 3	Sarjana Muda Pertahanan dan Keselamatan Islam	1
R8	Perempuan	Tahun 3	Sarjana Muda Pertahanan dan Keselamatan Islam	1

Jadual 1 menunjukkan ringkasan taburan demografi bagi responden yang terpilih dalam kajian ini. Responden bagi kajian ini terdiri dari lapan responden yang dipilih dari pelajar yang telah berjaya melaksanakan program khidmat komuniti dengan jayanya. Seramai enam pelajar lelaki dan dua pelajar perempuan telah terpilih dan bersetuju untuk ditemuramah. Kesemua responden merupakan pelajar tahun akhir yang mana empat responden dari program pengajian Sarjana Muda Pertahanan dan Keselamatan Islam dan empat responden dari program pengajian Sarjana Muda Sains Ketangkasan Pertahanan. Lima responden pernah terlibat sekali dalam program khidmat komuniti, manakala dua responden telah terlibat dua kali dan seorang responden telah terlibat sebanyak tiga kali.

## **Apakah pencetus minat dalam/untuk penglibatan program khidmat komuniti?**

Hasil dari temuramah yang dijalankan, didapati terdapat perkara yang mencetus minat pelajar untuk terlibat dengan program khidmat komuniti. Antara yang dikenalpasti adalah minat kerana sifat suka membantu, minat untuk pelajari dan cuba ilmu baru serta minat kerana dapat eratkan hubungan silaturrahim.

### **Minat 1: Sifat suka membantu**

Seramai empat responden iaitu R2, R3, R7 dan R8 memberitahu bahawa mereka berminat dengan program khidmat komuniti yang diadakan kerana melalui program tersebut mereka dapat membantu orang lain. R2 berkata "Saya mempunyai kudrat yang membuat saya ingin menolong dan membantu." Beliau turut menekankan bahawa: "Prinsip saya sekiranya saya tidak dapat menderma dengan wang ringgit maka saya akan dermakan segala kudrat saya". R3 pula mengatakan minatnya dengan mengatakan "kami seronok dapat melakukan aktiviti sambil membantu". Selain itu, R7 mengatakan: "saya mempunyai minat yang mendalam untuk beri apa jua perkhidmatan dan pertolongan kepada masyarakat". Manakala, R8 pula berpendapat bahawa pencetus minatnya adalah "saya minat sebab saya dapat bantu masyarakat yang memerlukan".

### **Minat 2: Pelajari dan cuba ilmu baru**

S4 sangat teruja dan memberitahu bahawa "saya dapat bergaul dengan lebih rapat dengan komuniti serta dapat belajar benda baru seperti mesin rumput dan tebang pokok". Seterusnya, S5 menerangkan bahawa dapat mempelajari sesuatu dari program khidmat komuniti yang dijalankan berdasarkan kenyataannya iaitu "saya minat nak cari pengalaman dan nak pelajari cara untuk jalankan program berkaitan komuniti". S6 turut mempunyai pendapat yg sama iaitu "Ia telah buka peluang untuk saya mencuba perkara baru. Pada masa yang sama, saya suka mencabar diri untuk mengendalikan sebarang program kerana hasil kejayaan program tersebut dapat mengembirakan ramai pihak.

### **Minat 3: Eratkan hubungan silaturrahim**

R1 dan R4 berminat dalam penglibatan program akademik kerana program khidmat komuniti membolehkan mereka untuk mengeratkan silaturrahim. R1 mengatakan "kami boleh mengeratkan hubungan silaturrahim sesama sendiri. Khidmat komuniti juga buka laluan dalam mengenali orang-orang baru dan dapat menambahkan lagi kenalan sedia ada." Manakala R4 pula berpendapat "saya dapat bergaul dengan lebih rapat dengan komuniti serta dapat belajar benda baru seperti mesin rumput dan tebang pokok. Selain itu, ianya juga dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama kami serta dapat meningkatkan lagi kepimpinan dalam pengurusan dan juga pengendalian program komuniti.

### **Minat 4: Didikan ibubapa**

R7 mengaitkan minatnya dalam penglibatan program khidmat komuniti dengan didikan ibubapa yang diterapkan dari kecil. Dia meluahkan “minat saya yang mendalam untuk memberi apa jua perkhidmatan dan pertolongan kepada masyarakat kerana sudah dibiasakan dari kecil. Dari kecil lagi ibubapa saya sudah didik untuk berkhidmat dan tolong masyarakat, didikan ibubapalah”.

### **Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan program khidmat komuniti?**

Penemuan kajian mendapati terdapat lima cabaran yang dihadapi oleh pelajar sepanjang pelaksanaan program khidmat komuniti. Cabaran paling kerap disebut oleh responden dengan kekerapan tertinggi iaitu empat responden menghadapi cabaran yang sama adalah kekurangan sumber bantuan. Sumber bantuan tersebut dibahagikan kepada tiga jenis sumber iaitu kewangan, bahan (peralatan dan makanan) dan sukarelawan. Cabaran lain yang turut dikenalpasti adalah komitmen dari pihak penerima, cuaca, komitmen ahli kumpulan dan kerjasama dari pihak lain.

#### **Cabaran 1: Kekurangan sumber bantuan**

Kekurangan sumber merupakan cabaran yang paling kerap di ulang oleh responden yang berbeza. Empat responden iaitu R1, R2, R5 dan R6 memaklumkan bahawa antara cabaran yang mereka hadapi adalah kekurangan sumber seperti kewangan, bahan (peralatan dan makanan) dan sukarelawan.

##### **a) Kewangan**

R1 berhadapan dengan cabaran dari sudut pengurusan dan kekurangan kewangan, katanya: “cabaran yang kami hadapi adalah dari segi pengurusan kewangan yang betul dalam melaksanakan sesuatu program. Kami turut bermasalah dalam mencari sumber kewangan yang mencukupi”. R2, R5 dan R6 turut memberikan pendapat yang sama, di mana mereka mempunyai cabaran dari segi bantuan kewangan. R2 berkata “cabaran dari segi wang ringgitlah, bantuan dari segi wang ringgit agak sukar diperolehi”. R5 turut menyuarakan isu berkenaan dengan berkata “kesukaran yang kami hadapi adalah dari segi kewangan, susah untuk dapatkan dana”. Manakala, R6 pula menegaskan bahawa “Cabarannya adalah sebelum program berlangsung, di mana pihak atasan (Bhepa) sukar mengeluarkan bajet untuk kami menjalankan program”.

##### **b) Bahan (peralatan dan makanan)**

R2 turut meluahkan tentang kekurangan dari segi bantuan peralatan dan makanan. Katanya: “Sangat mencabar sebab alat yang digunakan tidak mencukupi, peralatan yang perlu digunakan untuk program sukar diperolehi. Seterusnya, dari segi makanan semasa program berlangsung, agak sukar diperolehi.

##### **c) Sukarelawan**

R2 turut mengalami cabaran kekurangan sukarelawan. Katanya “Cabaran yang kumpulan kami hadapi adalah kekurangan dari segi jumlah sukarelawan. Tidak ramai yang *volunteer* untuk jadi sukarelawan, jadi kami agak sukar untuk menjalankan program khidmat komuniti”.

#### Cabaran 2: Komitmen dari pihak penerima

R3, R4 dan R5 mengalami situasi apabila program khidmat komuniti yang mereka jalankan tidak mendapat komitmen dari pihak penerima seperti kurang sambutan dan program dibatalkan. R3 menerangkan bahawa mereka kurang mendapat peserta bagi program khidmat komuniti yang dijalankan. Dia berkata: “Kami kurang mendapat sambutan, mungkin kerana program khidmat komuniti kami dilakukan semasa fasa pandemik”. R5 turut menghadapi masalah yang sama, dia berkata “Agak sukar untuk kami dapatkan peserta program”. Manakala bagi R4, kumpulan mereka berdepan dengan cabaran program dibatalkan oleh pihak penerima. Beliau berkata “Waktu melaksanakan program khidmat komuniti tersebut, asalnya kumpulan kami buat program dengan sekolah agama, tetapi mereka batalkan dan akhirnya kami ganti dengan program easy the breakfast”.

#### Cabaran 3: Cuaca

R3 dan R4 sependapat mengatakan cuaca menjadi cabaran buat mereka dalam melaksanakan program khidmat komuniti. R3 meluahkan “Program kami merupakan program outdoor, jadi cabaran kami yang paling utama adalah cuaca”. R4 turut melalui pengalaman yang sama dan menyuarakan “Untuk kumpulan kami, cabarannya adalah faktor cuaca yang tak menentu, ianya menyukarkan pergerakan kami untuk menjalankan program”.

#### Cabaran 4: Komitmen ahli kumpulan

R1 turut menyatakan bahawa cabaran beliau adalah berkaitan dengan komitmen dari ahli kumpulan. Menurutnya “Cabaran yang kedua ialah untuk menjayakan sesuatu program adalah, ia memerlukan komitmen yang tinggi dari semua ahli kumpulan. Ini untuk memastikan sesuatu program itu berjalan dengan lancar.”

#### Cabaran 5: Kerjasama dari pihak lain

R7 dan R8 meluahkan bahawa cabaran mereka adalah sukar mendapatkan kerjasama dari pihak lain, walaupun bagaimanapun mereka tidak memperinci siapakah pihak tersebut. R7 berkata “kami agak sukar mendapat kerjasama dari segelintir pihak”. R8 turut menyatakan demikian dengan berkata “Cabaran yang dihadapi adalah setengah pihak tidak mahu memberi kerjasama dengan baik”. Kedua-dua mereka enggan mengulas lebih lanjut tentang pihak yang dimaksudkannya.

### **Apakah usaha yang dilakukan oleh pelajar untuk memastikan program khidmat komuniti dapat dijalankan dengan berkesan?**

Usaha 1: Bertanggungjawab, bekerjasama dan menjalankan komitmen.

Majoriti responden mengatakan bahawa mereka perlu bertanggungjawab, bekerjasama dan memberi komitmen yang sepatutnya bagi memastikan program khidmat komuniti dapat dijalankan dengan berkesan. Usaha ini telah disebut oleh lima dari lapan responden iaitu R2, R3, R5, R6 dan R7. R2 menyebut “Kita harus menerapkan semangat tolong menolong antara satu sama lain untuk memastikan program berjalan lancar”. R3 pula berkata “semua ahli kumpulan perlu berikan kerjasama kepada pasukan supaya program dapat dilakukan dengan lancar”. Ini turut disokong oleh R5 dengan luahan “usaha seperti memberi sokongan dari segi penyertaan dan komitmen sepanjang program berlansung amat penting.” Manakala, R6 pula menegaskan “Kami akan membahagi tugas masing-masing dan setiap ahli perlu mengetahui skop tugas yang perlu dilakukan. Semua ahli perlu bekerjasama untuk melakukan skop tugas masing-masing. R7 pula berpandangan “semua rakan sekumpulan perlu sentiasa patuh dan memberi komitmen kepada arahan penganjur atau pengarah program.”

Usaha 2: Melaksanakan program yang jelas dan menghebahkan program

R4 dan R8 mencadangkan agar program khidmat komuniti yang hendak dilaksanakan mestilah suatu program yang jelas dan program tersebut perlu diwar-warkan agar dapat dijalankan dengan berkesan. R4 berpendapat “ kita perlu berusaha memberi galakan kepada orang ramai dengan membuat poster, pengiklanan menerusi media massa supaya memberi kesedaran kepada orang ramai dan ini dapat menarik minat mereka untuk mengikuti program khidmat komuniti.” R8 turut bersetuju dan menjelaskan “ aktiviti perlu disebar kepada umum dan perlu pastikan matlamat sesuatu program jelas dan perlu pastikan aktiviti yang akan dilakukan semasa program dapat memberi faedah kepada masyarakat,”

Usaha 3: Jumpa / tanya pensyarah

R1 mengutarakan pandangan tentang kepentingan untuk berjumpa dan bertanya kepada pensyarah dengan berkata “Penting untuk kerap berjumpa pensyarah dan bertanya dengan mereka yang pernah terlibat dalam menguruskan program yang berkaitan untuk mendapat gambaran semasa hari kejadian.”

Usaha 4: Program khidmat komuniti diadakan dengan lebih kerap

R2 mencadangkan agar program khidmat komuniti perlu dilaksanakan dengan lebih kerap. Beliau berkata “bagi memastikan program ini berkesan, usaha seperti program khidmat komuniti harus dilakukan dengan lebih kerap. Dengan pelaksanaan yang kerap, kita boleh melatih pelajar supaya lebih cekap dan pantas dalam membuat kerja”.

## **Kesimpulan**

Kita dapati bahawa terdapat beberapa kesimpulan yang boleh dipersetujui bagi menjawab persoalan kajian ini. Kajian ini mendapati terdapat empat elemen yang mencetuskan minat pelajar UPNM yang mengikuti kursus Khidmat Komuniti dalam menjayakan program khidmat komuniti yang dirancang mereka. Empat elemen tersebut ialah sifat suka membantu yang ada dalam diri para pelajar, sikap ingin pelajari dan mencuba ilmu baharu, berhasrat untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara ahli kumpulan dan komuniti pilihan dan didikan ibu

bapa. Elemen-elemen ini merupakan faktor penguat yang membina minat pelajar bagi merancang dan melaksanakan program khidmat komuniti mereka. Manakala antara cabaran yang dihadapi oleh para pelajar tersebut dalam menjayakan program khidmat komuniti mereka ialah kekurangan sumber bantuan yang meliputi masalah kewangan untuk menggerakkan program yang dirancang. Selain itu, terdapat juga cabaran seperti masalah kekurangan peralatan dan makanan bagi sukarelawan yang menjayakan program khidmat komuniti di samping masalah cuaca serta kerjasama dan komitmen dari pihak penerima dan ahli kumpulan. Responden-responden yang terpilih ini turut menyatakan pendapat mereka dalam memastikan program khidmat komuniti dapat dilaksanakan dengan berkesan sekiranya semua ahli kumpulan bertanggung jawab dan bekerjasama dalam menjalankan komitmen masing-masing, melaksanakan program yang jelas dan menghebahkan program dengan lebih giat bagi memastikan penglibatan lebih ramai pihak, ahli kumpulan mesti lebih kerap dan bertanya dengan pensyarah selain mencadangkan supaya diperbanyakkan program khidmat komuniti bagi memahirkan para pelajar dalam merancang dan melaksanakan program-program lain pada masa akan datang dengan lebih baik. Sebagai penutupnya kursus Khidmat Komuniti ini memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa supaya para pelajar dapat merancang dan melaksanakan program dengan lebih baik dan berkesan. Cabaran dari sudut kewangan khususnya boleh diberi perhatian dengan lebih baik bagi memastikan setiap perancangan program dapat dilaksanakan dengan sewajarnya sebagaimana yang dirancang. Jika tidak kemungkinan kursus ini bakal dimansuhkan atau dijumlahkan begitu sahaja.

### **Penghargaan**

Kertas kerja ini merakamkan penghargaan kepada pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia kerana memberi sejumlah pembiayaan untuk geran jangka pendek UPNM/2019/GPJP/2/SSI/1.

### **Rujukan**

Ahmad, A. S., & Johari, H. (2022). Motif Kesukarelawan Dan Kemahiran Insaniah Mahasiswa Khidmat Masyarakat. *International Journal of Social Science Research*, 4(1), 124-138.

Alias, A. M., & Balakrishnan, V. (2017). Impak kesukarelawanan dalam kalangan belia di Kuala Lumpur: satu kajian. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 25-43.

Amran, N. N., & Ishak, H. (2017). Service-Learning Bersama OKU: Pengalaman Latihan Industri Pelajar FPI, UKM. *AL-TURATH JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH*, 2(1), 1-9.

Buku Garis Panduan Pengajian Umum (MPU) Edisi kedua, 2016.

Chua, Y.P. (2006). *Kaedah Penyelidikan : Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Malaysia : Mc Graw Hill Sdn Bhd

Endut, N. A., Amin, R., Mohamad, A. N. A., & Din, H. A. M. (2019). Impak Mata Pelajaran Umum dari kaca mata Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis). *e-BANGI*, 16, 1-18.

Ghadafi, M. Penglibatan Pelajar Politeknik Metro Johor Bahru Terhadap Aktiviti Sosial Dalam Komuniti Pada Waktu Senggang. *Prosiding International Conference on Education Research (InCER 2020)*

Hamzah, S. R. A., Suandi, T., & Hazmah, A. (2015). Pengaruh kepercayaan, motivasi dan niat terhadap golongan belia dalam aktiviti sukarela di Malaysia. *International Journal of Education and Training*, 1 (2), 1, 10.

Hassan Adnan & Raja Roslan (2010). Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Fizikal Terhadap Pembangunan Diri Pelajar: Satu Tinjauan. Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Ismail, A., Mohd Saudi, N., Mohd Mustaffa, N., Mohd Rafiuddin, N., & Abdullah, A.. 2020. Pembentukan Kepimpinan Pelajar Menerusi Program Khidmat Komuniti di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, *Social Sciences and Humanities in the 4th Industrial Revolution Issues, Special Issue, ZULFAQAR Journal of Defence Management, Social Science & Humanities 2020: 29-35.*

Ismail, A., Mohd Saudi, N., Mohd Mustaffa, N., Mohd Rafiuddin, N., & Abdullah, A. 2021. Covid-19: Khidmat Komuniti Secara Dalam Talian. *Jurnal Dunia Pengurusan* 3(2), 53-58. Retrieved from [//myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/1403](http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/1403)

Ismail, A., Mohd Saudi, N., Mohd Mustaffa, N., Mohd Rafiuddin, N., & Abdullah, A. 2021. Inovasi Pelaksanaan Kursus Khidmat Komuniti Secara Dalam Talian Di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. *Prosiding I-Citra*.

Jalil, N. A., Esa, A., & dan Vokasional, F. P. T. (2012, June). Kemahiran menyelesaikan masalah menerusi aktiviti kokurikulum (khidmat masyarakat) dalam kalangan pelajar UTHM. In *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah Dalam PTV Kali Ke (Vol. 2, No. 2012, pp. 101-112)*.

Kesukarelawan, T. K. A. P. P. Semangat Kesukarelawan Dalam Kalangan Mahasiswa Melayu Di IPTA: Satu.

Khalid, N. B., Rahman, N. F. A., & Kasbun, R. (2016). Kemahiran Insaniah Pelajar Prasiswazah: Analisis Perbezaan Antara Tahun 2014 dan Tahun 2015.

Lawrence, W.N. (2004). *Basics of Social Research : Qualitative And Quantitative Approaches*. United States Of Amerika : Pearson Education.

Louis, C. & Lawrence, M (1994). *Research Methods In Education Fourth Edition*: New York: Publication Data.

Maamor, S., Ibrahim, A. Z., & Samsi, A. (2015). Faktor pemilihan jenis kokurikulum: Kajian kes pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM). *Journal of Holistic Student Development*, 2(1), 35-46.

Manaf, M. B., Othman, E. B., & Ahmad, N. B. (2018). Impact of community service activities on the soft skills development of polytechnic engineering students Sultan Mizan Zainal Abidin. *Jurnal Konseling dan Pendidikan*, 6(2), 78-86.

Othman, R., & Jasni, N. F. A. (2016). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1).

Robert K. Yin. (2009). *Case Study Research: Design and Methods*. US: Sage Publications.

Sharan B. Merriam. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. US: Jossey-Bass Publishers.

Yusak, Y. B. M., bin Abdul Rahim, A. I., & Ramli, A. R. B. (2019). Transformasi Kokurikulum Berkredit Politeknik Malaysia. *Journal on Technical and Vocational Education*, 4(3), 116-128.